



## JABATAN HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI

### PEMAKLUMAN PENTADBIRAN DAN OPERASI PENGURUSAN PELAJAR KALI KE- 168 BIL.16/2025

#### PERMOHONAN KEMASUKAN KE KOLEJ KEDIAMAN PADA SESI AKADEMIK 2025/2026 DI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH BAGI PELAJAR KATEGORI LALUAN KHAS DAN PELAJAR TAHUN 1, SESI AKADEMIK 2024/2025

Assalamualaikum w.b.t & Selamat Sejahtera

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa pihak Pengurusan Universiti telahpun bersetuju untuk meminda polisi berkaitan keutamaan pelajar untuk menginap di kolej-kolej kediaman yang disediakan oleh pihak universiti seperti berikut:-

- a. Memberikan keutamaan hanya kepada **tujuh (7) daripada tiga belas (13) kategori pelajar laluan khas** untuk memohon bagi kemasukkan ke kolej kediaman di dalam universiti. Senarai tujuh (7) kategori pelajar laluan khas adalah seperti berikut:-
  - i. Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), UMPSA
  - ii. Badan Beruniform
  - iii. Pelajar Ulul Albab
  - iv. Perwakilan Mahasiswa Kolej Kediaman (PEKA)
  - v. Orang Asal
  - vi. Orang Kurang Upaya (OKU)
  - vii. Pelajar Ijazah Dual

Bagi melayakkan pelajar kategori ini mendapat penempatan di kolej-kolej kediaman, pelajar perlu membuat pengesahan di dalam sistem yang disediakan dibawah pada tarikh yang telah ditetapkan.

- b. Manakala bagi **pelajar Tahun 1, Sesi Akademik 2024/2025** yang akan ke **Tahun 2 pada Sesi Akademik 2025/2026** akan datang. Pelajar ini adalah **TIDAK LAGI DIWAJIBKAN** untuk menginap di kolej-kolej kediaman **bermula Sesi Akademik 2025/2026**. Walau bagaimanapun, pelajar-pelajar ini akan diberikan keutamaan untuk membuat pilihan sama ada untuk menginap di kolej-kolej kediaman melalui sistem permohonan yang dibuka pada tarikh yang telah ditetapkan dibawah.

3. Berikut adalah **tarikh-tarikh penting bagi permohonan dan pengesahan pelajar** untuk menginap di Kolej-Kolej Kediaman Universiti seperti berikut:-
- i. **Bagi Tujuh (7) kategori Pelajar Laluan Khas**  
Tarikh Permohonan Dibuka: **15 Mei 2025 (2.00 petang) hingga 18 Mei 2025 (10.00 malam)**
  - ii. **Bagi Pelajar Tahun 1, Sesi Akademik 2024/2025**  
Tarikh Permohonan Dibuka: **19 Mei 2025 (2.00 petang) hingga 23 Mei 2025 (10.00 malam)**
4. **Pelajar-pelajar yang terlibat akan menerima emel penawaran daripada pihak universiti yang akan meminta pelajar membuat permohonan kolej kediaman (sekiranya pelajar berminat menerima tawaran) bagi Sesi Akademik 2025/2026 melalui Sistem My Gading ( [Login Page](#)) mengikut tarikh-tarikh yang ditetapkan seperti di atas.**
5. **Bagi pelajar yang bukan kategori di atas atau pelajar dari tahun tiga (3) dan empat (4) ke atas yang berminat untuk menginap di kolej-kolej kediaman. Satu tarikh permohonan akan dibuka kepada pelajar ini untuk membuat permohonan bagi kemasukan ke kolej-kolej kediaman dengan bergantung kepada jumlah kekosongan yang ada pada masa tersebut.**

**PERINGATAN:**

- Bagi pelajar yang telah memilih untuk menginap di Kolej-Kolej Kediaman UMPSA bagi Sesi Akademik 2025/2026, **pihak universiti akan menganggap bahawa saudara/saudari telah bersetuju untuk menginap di Kolej Kediaman yang disediakan oleh pihak universiti dan caj bayaran penuh penginapan asrama akan dikenakan kepada pelajar pada Semester 1, Sesi Akademik 2025/2026 nanti. Tiada pemulangan yuran penginapan akan diberikan pada tempoh tersebut.**
- Permohonan **selepas tarikh tutup tidak akan dipertimbangkan.**
- Penempatan adalah **tertakluk kepada kekosongan dan kriteria pemilihan** yang telah ditetapkan oleh pihak universiti

Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut boleh menghubungi : [admin\\_jhepa@umpsa.edu.my](mailto:admin_jhepa@umpsa.edu.my)

Sekian, harap maklum.

**Pusat Perkhidmatan Pelajar**

Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni

Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA)

**Tarikh : 14 Mei 2025**